



Projek JPS yang **menaikkan taraf Sungai Segamat** bagi mengatasi banjir.

Tiga projek besar giat dilaksanakan

Selain projek Jalan Asahan-Jementah, tiga lagi projek besar sedang giat dan akan dilaksanakan di Daerah Segamat bagi memberi kemudahan kepada penduduk, selain memastikan kawasan itu tidak ketinggalan daripada kawasan lain.

Pegawai Daerah Segamat, Ab Rahim Nin, berkata pada masa ini projek tebatan banjir dan menaik taraf sungai serta jambatan sedang giat dijalankan sejak Julai 2011 dengan kos keseluruhan dianggarkan hampir RM150 juta.

Katanya, projek kelolaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu membabitkan kerja menaik taraf Sungai Genuang dan kerja berkaitan yang sudah dilaksanakan sejak Julai 2011 dan siap pada tahun ini.

Beliau berkata, bagi kerja menaik taraf Sungai Chodan dari Lubok Selumar ke Kampung Paya Pulai serta kerja berkaitan mula dijalankan sejak April tahun lalu, selain turut dijalankan kerja menaik taraf Sungai Segamat dan jambatan Sungai Genuang.

“Projek rancangan tebatan banjir itu dijalankan susulan banjir teruk pada Disember 2011 dan Januari 2007 serta Januari 2011 sehingga menyebabkan ramai penduduk terpaksa dipindahkan, selain menyebabkan kerosakan harta benda.

“Bandar Segamat yang terletak di tepi Sungai Segamat iaitu di hulu lembangan Sungai Muar sering mengalami banjir sejak tahu 1920-an lagi sehingga pelbagai projek dilaksanakan dalam usaha mengurangkan risiko banjir,” katanya.

Ab Rahim berkata, kerja menaik taraf sungai itu dijalankan dengan mengambil kira dan memulihara serta mengekalkan ekosistem sungai sedia.

Selain itu, katanya, fasa pertama projek menaik taraf Jalan Segamat-Tangkak daripada dua kepada empat lorong sejauh 62 kilometer (KM) juga sudah dimulakan sejak Mac tahun lalu.

Katanya, pembinaan projek itu turut membabitkan kerja menaik taraf 19 jambatan sepanjang laluan berkenaan termasuk 14 daripada jambatan itu akan dibina semula bagi menggantikan jambatan asal yang tidak lagi sesuai.

“Projek itu dijalankan bagi memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dan perjalanan antara Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) di Tangkak ke Segamat dan apabila siap kelak, ia dijangka dapat menarik lebih ramai pengguna ke Segamat dan kawasan sekitarnya berikutan jarak perjalanan lebih pendek dengan jalan lebih selesa,” katanya.

Ab Rahim berkata, projek menaik taraf laluan terbabit dijalankan bagi memberi kemudahan kepada orang ramai dengan mengambil kira pembangunan dan kesejahteraan rakyat, sekali gus mengatasi masalah kemalangan

jalan raya.

Katanya, projek lain yang dirangka di daerah ini ialah landasan berkembar elektrik Gemas-Johor Bahru yang menjadi pelengkap keseluruhan projek landasan berkembar Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di laluan pantai barat Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata, projek membabitkan Segamat itu kini dalam proses pengambilan balik tanah sebelum perlantikan kontraktor dibuat selepas Jun ini dan projek hanya akan dimulakan selepas semua urusan berkaitan dijalankan.